

TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MAJLIS PENYERAHAN GERAN *COMMUNITY INNOVATION FUND*
(CIF) MOSTI UNTUK PROJEK “*PORTABLE ECO SUPPLY (P.E.S)*”

JETI PANTAI SIRING, KG. PULAI, MELAKA
17 OGOS 2016 (RABU)

Terima kasih kepada saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandaraya Teknologi Hijau,
Melaka 754 Tahun, Melaka Maju Fasa II, Berkat, Tepat, Cepat.

YB DATUK WIRA HJ. AHMAD BIN HJ. HAMZAH

Ahli Parlimen Jasin;

YB ENCIK ZAIDI BIN ATAN

Ahli Dewan Undangan Serkam;

YBHG. PENOLONG PESURUHJAYA KANAN RELA BERSEKUTU
ZOLKARNAIN BIN HJ. JOBSHI

Pengarah Politeknik Merlimau;

YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN AHMAD

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Jabatan Pendidikan
Politeknik;

YBRS. ENCIK MOHD AS'RI BIN CHIK

Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau;

YBRS. ENCIK MOHAMAD NAZRI ISMAIL

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Politeknik Merlimau;

Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Unit Politeknik Merlimau;

Ahli Persatuan Nelayan Kawasan Jasin;

Rakan-rakan Media; dan

Para pelajar, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama pada hari ini untuk menyaksikan penyerahan **Geran *Community Innovation Fund (CIF)* Kementerian Sains , Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** bagi **Projek “*Portable Eco Supply (P.E.S)*”** oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Merlimau.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Seperti semua sedia maklum, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menawarkan 3 dana yang utama bagi menyokong perkembangan sains, teknologi dan inovasi (STI) di Malaysia. Antara dana yang ditawarkan adalah Dana Inno atau *InnoFund* yang merupakan satu skim dana yang membiayai pembangunan atau penambah baikan produk baru atau sedia ada, proses atau perkhidmatan dengan elemen-elemen inovasi. Selain itu, projek yang akan diberikan dana ini juga mestilah mempunyai nilai ekonomi serta berupaya untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, **Projek “*Portable Eco Supply (P.E.S)*”** yang merupakan hasil usaha Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Merlimau telah menepati kriteria-kriteria seperti yang telah ditetapkan. Melalui proses penilaian yang ketat daripada panel penilai yang telah dilantik oleh pihak MOSTI, projek ini telah berjaya untuk menerima **Dana *Community Innovation Fund (CIF)*** bagi pembangunan projek yang diharapkan akan dapat memajukan industri rumah kelong dan mengurangkan kos operasi nelayan pesisir pantai di sekitar Pantai Siring, Melaka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Politeknik Merlimau, khususnya kepada Jabatan Kejuruteraan Elektrik kerana telah berjaya menterjemahkan visi MOSTI sebagai peneraju agenda STI negara ke dalam suatu bentuk yang boleh dilaksanakan.

5. Saya juga telah dimaklumkan bahawa **Projek “Portable Eco Supply (P.E.S)”** ini merupakan satu lagi kerjasama antara Politeknik Merlimau dengan komuniti Pantai Siring. Sebelum ini, Program Hijau Eco-Bakau juga telah dilaksanakan melalui penanaman 500 anak bakau sebagai usaha untuk menjaga ekosistem biodiversiti.

6. Akhir kata, besarlah harapan saya supaya peruntukan dana MOSTI ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan berupaya untuk memperkasakan jalinan kerjasama antara Politeknik Merlimau dan komuniti Pantai Siring ke arah pembangunan, ekonomi dan kesejahteraan komuniti yang lebih mapan.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum W.B.T.

Sekian, terima kasih.